

LATIHAN ULANGKAJI STATISTIK SPM 2020

1. Satu tinjauan dibuat ke atas umur sekumpulan 40 orang pekerja bagi sebuah kilang.

Data dalam Rajah 1 menunjukkan umur, dalam tahun, bagi 40 orang pekerja itu.

48	47	41	55	34	38	60	60
58	32	37	50	52	44	41	43
40	47	46	35	45	31	38	52
44	39	50	56	54	46	36	48
53	51	42	49	49	42	54	33

- (a) Berdasarkan data di Rajah 1, lengkapkan Jadual di bawah.

Umur (Tahun)	Titik tengah	Kekerapan
26 – 30	28	
31 – 35		
36 – 40		

- (b) Nyatakan kelas mod bagi set data itu.

- (c) Berdasarkan Jadual 1, hitung min anggaran bagi umur pekerja itu.

$$\text{Min} = \frac{(\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad)}{(\quad) + (\quad) + (\quad) + (\quad) + (\quad) + (\quad) + (\quad) + (\quad)}$$

$$= \underline{\hspace{2cm}}$$

$$=$$

- (d) Untuk ceraian soalan ini, gunakan kertas graf.
Menggunakan skala 2 cm kepada 5 tahun pada paksi mengufuk dan 2 cm kepada 1 orang pekerja pada paksi mencancang, lukis satu poligon kekerapan bagi data tersebut.

2. Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan bagi panjang 84 ekor ikan yang ditangkap dari sebuah tasik.

Panjang (cm)	Kekerapan
11 – 15	5
16 – 20	8
21 – 25	14
26– 30	24
31 – 35	21
36 – 40	9
41 – 45	3

- (a) Berdasarkan data di Jadual 2 , lengkapkan Jadual 3 di ruang jawapan dengan menulis sempadan atas dan kekerapan longgokan.

Panjang (cm)	Kekerapan	Sempadan atas	Kekerapan longgokan
6 – 10	0	10.5	0
11 – 15	5		
16 – 20	8		
21 – 25	14		
26– 30	24		
31 – 35	21		
36 – 40	9		
41 – 45	3	45.5	84

- (b) Hitung min anggaran bagi panjang seekor ikan itu.

$$\text{Min} = \frac{(\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad) + (\quad)(\quad)}{(\quad) + (\quad) + (\quad) + (\quad) + (\quad) + (\quad) + (\quad) + (\quad)}$$

$$= \underline{\hspace{2cm}}$$

$$=$$

- (c) Untuk ceraian soalan ini, gunakan kertas graf yang disediakan .

Menggunakan skala 2 cm kepada 5 cm pada paksi mengufuk dan 2 cm kepada 10 ekor ikan pada paksi mencancang, lukis satu ogif bagi data tersebut.

- (d) Ikan dengan panjang melebihi 24 cm dieksport. Menggunakan ogif di 2(c), cari bilangan ikan yang akan dieksport.